



SIARAN MEDIA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

Laluan Kesepuluh BAS.MY Kuching Q02M Open Air Market - SMK Matang Jaya Bermula 1 Julai

KUCHING, 1 Julai - Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak, Encik Michael Kong Feng Nian bersama Timbalan Pengarahnya, Encik Razami Mohamad Jamali telah mengadakan tinjauan pengoperasian laluan kesepuluh BAS.MY Kuching, bermula dari Open Air Market hingga ke SMK Matang Jaya, pagi tadi.

BAS.MY Kuching di laluan Q02M memulakan operasinya pada hari ini bertolak dari **Open Air Market** (sementara) ke **SMK Matang Jaya**, melibatkan **4 buah bas** baharu mesra OKU yang meliputi jarak sejauh **15.6km** dan **19 perhentian bas**.

Jadual perjalanan bas di laluan ini bermula dari jam 5.30 pagi hingga 7.30 malam pada hari Isnin hingga Jumaat dengan kekerapan setiap 1 jam dan setiap 30 minit pada waktu puncak. Pada hari Sabtu dan Ahad pula, perjalanan bas bermula dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam. Orang ramai boleh merujuk jadual perjalanan bas yang dikongsikan melalui Facebook rasmi LPKP Sarawak dan BAS.MY Kuching.

Sementara itu, **kadar tambang** yang dikenakan adalah **bermula dari RM0.90 hingga RM2.20** berdasarkan jarak laluan bas dan pembayaran tambang adalah menggunakan kad debit, kad kredit, e-wallet serta wang tunai.

BAS.MY Kuching turut menyediakan kemudahan tambang percuma bagi golongan OKU, warga emas berumur 60 tahun ke atas, pelajar sekolah dan mahasiswa yang merupakan warganegara Malaysia dengan menggunakan Kad Konsesi BAS.MY yang boleh diperolehi daripada pihak pengendali laluan.

Manakala warganegara Malaysia yang lain pula digalakkan menggunakan kemudahan Pas 30 Hari dengan harga RM50 yang boleh digunakan tanpa had selama 30 hari di mana-mana laluan BAS.MY Kuching.

Dengan bermulanya operasi laluan Q02M ini, BAS.MY Kuching akhirnya telah melengkapi 10 laluan yang ditetapkan sejak mula diperkenalkan pada 5 Mac 2025. Sehubungan itu, orang ramai yang berada di laluan-laluan BAS.MY Kuching digesa menggunakan sepenuhnya perkhidmatan bas tersebut yang disediakan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) sebagai mod pengangkutan utama serta alternatif mengurangkan kesesakan jalan raya di pusat Bandaraya Kuching.

-TAMAT-

Pertanyaan Media:

Tel: +6082 412033 (Talian Umum)

Emel: pertanyaan@lpkpsarawak.gov.my

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK
01 JULAI 2025**